

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG)

TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

PUAN ALICE LAU KIONG YIENG minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sama ada pengenalan tulisan Jawi akan diteruskan dalam buku teks baharu Darjah 6 untuk SK dan SJK. Sekiranya ya, apakah penambahbaikan yang dilaksanakan berbanding zaman PH termasuk isi kandungan dan berapa muka surat dalam buku teks baharu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin menjelaskan bahawa penulisan buku teks adalah berdasarkan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Mengikut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), terdapat peruntukan yang menetapkan bahawa Kurikulum Kebangsaan hendaklah digunakan oleh semua sekolah dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengenalan tulisan Jawi dalam buku teks baharu Tahun 6 diteruskan seperti yang telah diputuskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2019. KPM masih mengekalkan enam halaman dalam buku teks Bahasa Melayu bagi sekolah kebangsaan (SK) dan tiga halaman dalam buku teks Bahasa Melayu bagi sekolah jenis kebangsaan (SJK). Pemilihan perkataan tulisan jawi yang diperkenalkan di SJK adalah melibatkan perkataan yang berkaitan kehidupan harian iaitu Selamat Datang, Bahasa Jiwa Bangsa dan Perpustakaan Negara Malaysia.

KPM sentiasa memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah bawah KPM adalah mengikut kurikulum yang telah ditetapkan.